

CNS3375

R GB 26-03 00181 RR779

bah

Lundang - Mahathir

RAMAI HENDAK SERTA UMNO, PELUANG BN DI LUNDANG CERAH, KATA PM

KLANG, 26 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peluang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Lundang lebih cerah berikutan ramai lagi pengundi di situ yang nampaknya berminat menyertai UMNO.

"Ramai lagi yang nampak hendak menyertai Umno, jadi nampak harapan cerah sikit hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai peluang BN pada pilihan raya kecil Lundang yang akan berlangsung Selasa ini antara calon BN Nik Abdul Rahman Nik Taib dan calon Pas Mohamed Daud.

Perdana Menteri mengiringi isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menerima anugerah Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) sempena ulangtahun ke-68 keputeraan Sultan Selangor di Istana Alam Shah di sini, hari ini.

Ketika ditanya mengenai harapan beliau kepada para pengundi di Lundang, Dr Mahathir berharap mereka akan menyokong BN untuk kebaikan mereka sendiri daripada segi pembangunan dan menukar pentadbiran negeri itu. -- Lagi

▼26/03/15-09MST

CNS3376

R GB 26-03 00137 RR780

bah

Lundang - Mahathir 2 (akhir) Klang

Ketika menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata walaupun sesuatu kawasan itu majoriti pengundinya menyokong PAS tetapi ada kalanya BN boleh menang.

Katanya beliau tidak pergi (berkempen) di Kelantan tetapi mendapat laporan mengenai keadaan di situ.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib turut berkata BN mempunyai harapan untuk memenangi kerusi itu memandangkan keinginan bekas anggota PAS dan Semangat 46 menyertai UMNO.

"Saya baru balik daripada berkempen di kawasan Lundang dan semalam saja kira-kira 500 orang bekas anggota PAS dan Semangat 46 menyertai BN," katanya sambil menyeru pengundi di Lundang menyokong BN demi masa depan mereka.

Muhammad berkata perkembangan itu menunjukkan bahawa pengundi di kawasan Lundang semakin kecewa dengan pentadbiran PAS. -- Bernama

MNY KM RON